



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH
ANJURAN KPDNHEP DAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN
PRIHATIN SSM – INISIATIF UNTUK IBU TUNGGAL & BELIA**

BERTEMPAT DI

**PERKARANGAN ANJUNG SERI, ARAS G, IBU PEJABAT KPDNHEP,
PUTRAJAYA**

23 DISEMBER 2020 (RABU)

12.30 TENGAH HARI

YANG SAYA HORMATI, SAUDARA Pengerusi MAJLIS,

- 1. YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

- 2. YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HAJI HASNOL ZAM ZAM
BIN HAJI AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

- 3. YANG BERUSAHA DR. ALAUDDIN BIN SIDAL
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERDAGANGAN DALAM
NEGERI)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL
EHWAL PENGGUNA**

- 4. YANG BERUSAHA ENCIK MOHAMED ZAHARI RAZALI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENDAYAUPAYAAN
PENGGUNA)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL
EHWAL PENGGUNA**

- 5. KETUA-KETUA AGENSI DI BAWAH KPDNHEP**

- 6. PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN KPDNHEP**

- 7. WAKIL-WAKIL SYARIKAT**

8. PARA IBU BAPA DAN ANAK-ANAK

9. RAKAN-RAKAN MEDIA

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN HADIRIN YANG SAYA HORMATI
SEKELIAN**

SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT TENGAH HARI.

1. PERTAMANYA SAYA MENGUCAPKAN SYUKUR KERANA KITA DAPAT BERKUMPUL BERSAMA-SAMA UNTUK MENGHADIRI **PELANCARAN PROGRAM JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH BAGI TAHUN 2021** BERTEMPAT DI PERKARANGAN ANJUNG SERI, IBU PEJABAT KPDNHEP, PUTRAJAYA PADA HARI INI.

2. SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DI ATAS KEHADIRAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PADA MAJLIS HARI INI. BEGITU JUGA DENGAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MEMBERIKAN SEPENUH KOMITMEN BAGI MEMASTIKAN PROGRAM PADA HARI INI DAPAT DISEMPURNAKAN DENGAN JAYANYA. MOGA USAHA MURNI YANG HENDAK KITA LAKSANAKAN INI AKAN MEMBERIKAN KEBAIKAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

3. DALAM PELAKSANAAN SIRI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN INI, PELBAGAI PIHAK TELAH TERJEJAS, SAMA ADA

DI PIHAK KERAJAAN, SWASTA MAHUPUN MANA-MANA GOLONGAN. KITA BAHARU SAHAJA MELEPASI ARAHAN PKPB YANG MENYAKSIKAN INSTITUSI PENDIDIKAN SEPERTI UNIVERSITI, KOLEJ DAN SEKOLAH TERPAKSA DITUTUP SEKALI LAGI BAGI MEMBENDUNG PENULARAN WABAK COVID-19 DAN SESI PEMBELAJARAN TERPAKSA DITERUSKAN SECARA ATAS TALIAN, SESUATU YANG BELUM PERNAH DIRASAI OLEH GENERASI LAIN SEBELUM INI. BAGI SEKTOR PERUNCITAN PULA, MESKIPUN IA TELAH DIBUKA, NAMUN PERLU MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD YANG KETAT SEPERTIMANA YANG DIGARISKAN OLEH PIHAK BERKUASA.

4. KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) MENYEDARI BAHAWA TEMPOH PEMULIHAN PASCA PKP, PKPB DAN PKPP INI ADALAH AMAT KRITIKAL BAGI MENENTUKAN KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT DI MASA AKAN DATANG. BEBERAPA LANGKAH PROAKTIF DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BAGI MEMBANTU SEMUA PIHAK, BAIK PENIAGA KECIL DAN SEDERHANA MAHUPUN RAKYAT MALAYSIA SECARA KESELURUHANNYA. PELBAGAI INSENTIF SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG TELAH DIUMUMKAN BERTUJUAN BAGI MEMASTIKAN EKONOMI NEGARA KEKAL BERDAYA SAING DALAM USAHA MERANGSANG DAN MERANCAKKAN SEMULA PERTUMBUHAN EKONOMI DOMESTIK.

5. KPDNHEP MERUPAKAN KEMENTERIAN YANG TELAH DIBERIKAN TANGGUNGJAWAB BAGI MELAKSANAKAN **KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM) DAN PROGRAM JUALAN**

MALAYSIA (PJM) YANG MEMBERIKAN TUMPUAN KHUSUS UNTUK MEMPERKASA DAN MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA. KEMPEN INI MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF STRATEGIK UNTUK MERANGSANG DAN MERANCAKKAN SEMULA PERTUMBUHAN EKONOMI DOMESTIK MELALUI SEKTOR PERUNCITAN DAN TELAH DILANCARKAN PADA 18 JULAI 2020 YANG LALU.

6. SELARAS DENGAN PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN PENGENALAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DI SESETENGAH KAWASAN PADA 7 DISEMBER 2020, KEMPEN INI DIPERLUASKAN KEPADA PARA PENGGUNA. BERSEMPENA DENGAN PENGGAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2021 YANG BAKAL TIBA TIDAK LAMA LAGI, **KEMENTERIAN INI SEKALI LAGI AKAN MENGANJURKAN PROGRAM JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH.** PROGRAM INI TELAH DIADAKAN SEJAK TAHUN 2011 **DENGAN KERJASAMA SEKTOR PERUNCITAN SEPERTI PASAR RAYA BESAR, PASARAYA DAN SYARIKAT PENGELUAR KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN.**

7. SEJAK MULA DILAKSANAKAN, KEMPEN INI TELAH BERJAYA MENARIK MINAT PELBAGAI PIHAK. INI TERMASUKLAH DARIPADA SEKTOR PERUNCITAN SENDIRI YANG SUDI MEMASUKKAN PROGRAM PROMOSI JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH KE DALAM KALENDAR AKTIVITI MEREKA PADA SETIAP TAHUN.

8. SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA PENGGAL PERSEKOLAHAN AKAN MULA DIBUKA 20 JANUARI 2021. JUSTERU, BAGI MENGGALAKKAN PERBELANJAAN DOMESTIK DAN MEMBANTU

PARA PENGGUNA DALAM MENDAPATKAN KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN, KPDNHEP TELAH MEMAINKAN PERANAN DALAM MENGGERAKKAN PROGRAM JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH SELARAS DENGAN USAHA KERAJAAN BAGI MERANCAKKAN SEKTOR EKONOMI DOMESTIK. ANTARA OBJEKTIF YANG DISASARKAN MELALUI PROGRAM JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH INI ADALAH UNTUK MEMBANTU PENGGUNA KHUSUSNYA PARA IBU BAPA UNTUK MENDAPATKAN KEPERLUAN PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK PADA HARGA PROMOSI DAN BERPATUTAN.

9. MELALUI KEMPEN KEMBALI KE SEKOLAH *ATAU BACK TO SCHOOL* INI, SEMUA PASARAYA DAN SYARIKAT-SYARIKAT PENGELUAR YANG MENJUAL KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN SEPERTI PAKAIAN SERAGAM, BUKU DAN ALAT TULIS DIGALAKKAN UNTUK MENAWARKAN POTONGAN HARGA ISTIMEWA MELALUI PERMOHONAN JUALAN MURAH ATAU KEMPEN PENURUNAN HARGA. UNTUK ITU, KPDNHEP JUGA TELAH MEMPERMUDAHKAN PROSES PERMOHONAN JUALAN MURAH INI KEPADA PARA PENIAGA. KETIKA INI, PARA PENIAGA HANYA PERLU MENGEMUKAKAN NOTIS JUALAN MURAH SECARA ATAS TALIAN MELALUI APLIKASI *MY SALES TRACKER*, DAN DALAM TEMPOH 24 JAM DARIPADA PERMOHONAN DIKEMUKAKAN, PENIAGA SUDAH BOLEH MELAKUKAN JUALAN MURAH. KEMENTERIAN BERHARAP SUPAYA PROGRAM JUALAN INI DAPAT DITERUSKAN OLEH INDUSTRI PERUNCITAN SEPANJANG MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN INI BAGI MEMBERIKAN LEBIH BANYAK PELUANG KEPADA ORANG RAMAI DI SELURUH NEGARA

UNTUK MERANCANG PERBELANJAAN DENGAN BERHEMAH DALAM MENDAPATKAN KEPERLUAN PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK.

10. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM JUALAN KEMBALI SEKOLAH DI IBU PEJABAT KPDNHEP PADA PADA HARI INI. MEREKA YANG TERLIBAT PADA HARI INI ADALAH **SYARIKAT-SYARIKAT BESAR SEPERTI AEON BIG, MYDIN, THE STORE, CANGGIH DAN PUSAT PAKAIAN HARI-HARI.** SEMOGA KERJASAMA SEBEGINI AKAN DAPAT DITERUSKAN DI CAWANGAN SYARIKAT TUAN/PUAN DI SELURUH NEGARA BAGI FAEDAH PENGGUNA TERUTAMANYA BAGI GOLONGAN IBU BAPA YANG TERKESAN SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG AKIBAT WABAK COVID-19, DAN DALAM MASA YANG SAMA PERLU MENYIAPKAN KEPERLUAN DAN PERALATAN PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK MEREKA.

11. PADA MAJLIS INI, SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK **MEMPERKENALKAN SEBUAH INISIATIF TERBAHARU DARIPADA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)** DALAM MEMBANTU GOLONGAN PENIAGA YANG TERJEJAS BERIKUTAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA. SEBAGAI SEBUAH KEMENTERIAN YANG PRIHATIN, FOKUS KEMENTERIAN TERARAH KEPADA USAHA MEMBANTU DUA KUMPULAN SASAR IAITU PENGGUNA DAN GOLONGAN PENIAGA. JUSTERU, **KEMENTERIAN MELALUI SSM MEMPERKENALKAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (SPPP) YANG DILANCARKAN PADA HARI INI 23 DISEMBER 2020. SSM JUGA**

**MEMPERLUASKAN TAWARAN KHUSUS DI BAWAH SKIM 1
PELAJAR 1 PERNIAGAAN (S1P1P) KEPADA GOLONGAN BELIA
DAN IBU TUNGGAL DALAM KUMPULAN BERPENDAPATAN B40
UNTUK MENDAFTARKAN PERNIAGAAN SECARA PERCUMA DI
SSM.**

12. KATEGORI YANG LAYAK UNTUK MEMOHON SPPP ADALAH SEPERTI BERIKUT :

- i. KATEGORI BELIA BERPENDAPATAN B40;
- ii. KATEGORI IBU TUNGGAL BERPENDAPATAN B40; DAN
- iii. KATEGORI PELAJAR.

13. OLEH ITU, SAYA MENYERU KEPADA GOLONGAN YANG LAYAK UNTUK MEMANFAATKAN SKIM INI SUPAYA DAPAT MENGEMUKAKAN PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI **PORTAL EZ-BIZ ONLINE DI PAUTAN EZBIZ.SSM.COM.MY**. SAYA PERCAYA GOLONGAN INI TIDAK TERLEPAS DARIPADA MENERIMA BANTUAN KERAJAAN YANG LAIN TERUTAMANYA KETIKA BERHADAPAN SITUASI SUKAR KETIKA INI. DIHARAPKAN AGAR INISIATIF SPPP INI SEDIKIT SEBANYAK MAMPU MENGURANGKAN BEBANAN YANG DIALAMI OLEH GOLONGAN YANG TERJEJAS.

14. SAYA TURUT MENYERU KEPADA KITA SEMUA AGAR DAPAT MENJADI PENGGUNA YANG BIJAK DENGAN BERBELANJA SECARA BERHEMAH. SEBAGAI PENGGUNA, KITA MEMPUNYAI KUASA UNTUK MEMILIH DALAM MEMBUAT PEMBELIAN. GUNAKANLAH HAK-HAK KITA SEBAGAI PENGGUNA DENGAN MEMBUAT PERBANDINGAN HARGA DAN ADUAN SEKIRANYA TERDAPAT PENIAGA YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN SECARA TIDAK

BERETIKA. KPDNHEP MEMPUNYAI PELBAGAI SALURAN ADUAN DAN SILA LAPORKAN KEPADA KAMI SEKIRANYA TERDAPAT TINDAKAN PENIAGA YANG DIDAPATI MENJUAL PADA HARGA YANG TIDAK MUNASABAH ATAU TIDAK MELETAKKAN TANDA HARGA DAN SEBAGAINYA.

15. BAHAGIAN PENGUATKUASA KPDNHEP JUGA AKAN **MELAKSANAKAN OPERASI KHAS BAGI MEMANTAU HARGA BARANGAN KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN.**

16. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KPDNHEP NEGERI DAN DAERAH TELAH MEMULAKAN **PEMERIKSAAN OPS PAKAIAN SEKOLAH** YANG DILAKSANAKAN SECARA BERFASA BERMULA PADA **22 DISEMBER 2020 DAN DIJANGKA BERAKHIR PADA 7 MAC 2021.** PEMERIKSAAN INI BERTUJUAN BAGI MEMANTAU DAN MEMASTIKAN SETIAP PENIAGA TIDAK MENAIKKAN HARGA SEWENANG-WENANGNYA DAN MEMATUHI PERUNDANGAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011 (MEKANISME UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH) 2018.

17. PEMERIKSAAN PAKAIAN SEKOLAH INI MELIBATKAN PEMERIKSAAN DI PERINGKAT PERUNCIT SAHAJA YANG MELIBATKAN 10 BARANGAN SEPERTI BERIKUT:

- i. BAJU KEMEJA (LENGAN PENDEK/PANJANG);
- II. SELUAR LELAKI SEKOLAH MENENGAH;
- III. SELUAR LELAKI SEKOLAH RENDAH;

- IV. BAJU KURUNG;
- V. KAIN BAJU KURUNG SEKOLAH MENENGAH;
- VI. KAIN BAJU KURUNG SEKOLAH RENDAH;
- VII. TUDUNG;
- VIII. STOKING;
- IX. KASUT; DAN
- X. BEG SEKOLAH.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

15. ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR INISIATIF YANG DILAKSANAKAN OLEH KPDNHEP INI AKAN DAPAT MEMBANTU MELINDUNGI HAK-HAK PENGGUNA SERTA PADA MASA YANG SAMA MERANCAKKAN AKTIVITI PERDAGANGAN DOMESTIK.

16. BAGI MENUNJUKKAN SOKONGAN KEPADA PENGUSAHA DAN PENIAGA TEMPATAN, UTAMAKANLAH PEMBELIAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN BUATAN MALAYSIA. USAHA INI DAPAT MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN TERHADAP BARANGAN IMPORT DISAMPING DAPAT MEMBANTU MENINGKATKAN PENGELUARAN PRODUK TEMPATAN. PADA MASA YANG SAMA KITA DAPAT MEMBELI PRODUK KELUARAN TEMPATAN YANG BERKUALITI PADA TAWARAN HARGA YANG LEBIH RENDAH. KITA PASTIKAN SETIAP PERBELANJAAN JUGA ADALAH LEBIH NILAI

UNTUK WANG (*VALUE FOR MONEY*), BERPATUTAN DAN BERKUALITI.

17. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PELANCARAN PROGRAM JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH INI. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA SYARIKAT TERLIBAT PADA HARI INI YANG TELAH BEKERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN BAGI MEREALISASIKAN USAHA DAN INISIATIF KERAJAAN UNTUK TERUS MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT.

18. SAYA DENGAN INI, MERASMIKAN PROGRAM JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH BAGI TAHUN 2020 ANJURAN KPDNHEP.

SEKIAN, SALAM HORMAT DAN TERIMA KASIH.